

SULIT
3757/2
EKONOMI
ASAS
KERTAS 2
OKTOBER
2003
2 JAM

3757/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan*
- 2. Jawab mana-mana 4 soalan*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

- 1.(a) Dengan menggunakan contoh yang sesuai, terangkan bagaimana unit-unit ekonomi yang berikut menyelesaikan masalah kekurangan melalui pilihan dan kos lepas.
- i. Isi rumah
 - ii. Firma
 - iii. Kerajaan
- [15 m]
- (b) “Barang ekonomi adalah berbeza dengan barang awam”.
Jelaskan pernyataan di atas.
- [10 m]
- 2.(a) Encik Harun ingin menjadi seorang pengeluar yang berjaya dalam bidang perindustrian. Terangkan masalah-masalah asas ekonomi yang mungkin beliau hadapi.
- [8 m]
- (b) Bagaimanakah sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia menyelesaikan masalah asas ekonomi.
- [11 m]
- (c) Bezakan antara mesin basuh dengan cahaya matahari dari segi ekonomi.
- [6 m]

Soalan 3 berdasarkan maklumat berikut :

- Encik Razak, seorang pegawai kerajaan akan bersara pada awal tahun hadapan. Beliau tidak lagi mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Gaji bulanan beliau sekarang ialah RM3 700 dan Elaun Khidmat Awam bulanan RM300.
- Encik Razak mempunyai seorang isteri dan 3 orang anak. Anak pertama Encik Razak telah menamatkan pengajian di Universiti dan ditawarkan bekerja dengan sebuah jabatan kerajaan, tetapi beliau menolak dan sebaliknya telah bekerja dengan sebuah syarikat swasta dengan gaji bulanan RM2 500. Anak-anak yang lain masih bersekolah dan berusia di bawah 18 tahun. Pada tahun itu Encik Razak membayar zakat sebanyak RM1 200.
- Pelepasan cukai yang dibenarkan oleh kerajaan adalah seperti berikut :

Diri pembayar cukai	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak-anak dibawah 18 tahun setiap seorang	RM 800
- Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan ialah :

RM2 500	pertama	0 %
RM2 500	berikut	1 %
RM5 000	berikut	3 %
RM10 000	berikut	5 %
RM15 000	berikut	9 %
RM15 000	berikut	15 %

- 3.(a) Apakah pendapatan boleh guna? [3 m]
- (b) Hitungkan :
- i) Jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Razak bagi tahun berkenaan.
- ii) Jumlah pendapatan boleh guna Encik Razak. [7 m]
- (c) Apabila Encik Razak bersara beliau menjangka akan menerima ganjaran daripada kerajaan sebanyak RM30 000 tunai. Beliau belum pasti bagaimana harus memanfaatkan wang tersebut untuk meningkatkan ekonomi keluarganya. Berikan tiga cadangan dan kemukakan alasannya. [8 m]
- (d) Mengapakah anak Encik Razak memilih pekerjaan di sektor swasta? [7 m]

Soalan 4 berdasarkan perbualan antara Encik Zamri dan anak-anaknya.

Encik Zamri : "Cutai sekolah nanti ayah bercadang hendak pulang ke kampung di Kuala Berang."

Sanusi (anak) : "Kenapa setiap kali cuti kita mesti balik ke kampung? Bukankah lebih baik kita pergi melancong lagi best...."

Roziah (anak) : "Eh.... Kalau melancong tentu melibatkan banyak wang. Kan ayah tengah kumpul wang untuk siapkan rumah baru kita... Tak lah lagi perlu membayar sewa...."

Encik Zamri : "Janganlah bertengkar pula... Ayah dah merancang semua tu... Kalau kita bijak berbelanja, impian semua orang akan tercapai...."

- 4.(a) Mengapakah seseorang itu perlu merancang belanjawannya? [5 m]
- (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang untuk memilih sesuatu pekerjaan. [10 m]
- (c) Pendapatan benar yang tinggi membolehkan individu menabung. Terangkan sebab-sebab individu perlu menabung. [10 m]


5.

Harga (RM)	Kuantiti Barang X Yang Diminta (unit)
8	200
6	400
4	600
2	800

Jadual 1

- (a) Berdasarkan Jadual 1, lukiskan keluk permintaan individu bagi barang X dan seterusnya terangkan pembentukan keluk itu. (Gunakan kertas graf). [6 m]

- (b) Diandaikan pada 2 Januari 2002, harga seunit kamus bercetak ialah RM20 dan kuantiti diminta ialah 40 000 unit. Manakala pada 3 Mac 2003, harga kamus itu tidak berubah tetapi kuantiti bertambah menjadi 60 000 unit. Nyatakan dengan jelas faktor-faktor yang menyebabkan perubahan tersebut. [10 m]



Berdasarkan gambarajah di atas, hitungkan keanjalan harga permintaan setiap barang dan tafsirkan pekali keanjalan itu. [9 m]

- 6.(a) Bezakan kos tetap dengan kos berubah dalam proses pengeluaran. [6 m]

Kos Pengeluaran Firma dalam Jangka Pendek

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata	Kos Sut
0	100	<input type="text"/>	<input type="text"/>
1	150	<input type="text"/>	<input type="text"/>
2	185	<input type="text"/>	<input type="text"/>
3	243	<input type="text"/>	<input type="text"/>
4	340	<input type="text"/>	<input type="text"/>
5	440	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Jadual 2

- (b) Lengkapkan Jadual 2 yang diberi. [11 m]
- (c) Isi rumah dan firma merupakan dua sektor yang memainkan peranan penting dalam ekonomi. Apakah hubungan antara isi rumah dengan firma dalam aliran pusingan pendapatan. [8 m]